

UMNO

Rantau

Panjang

sanggup

bayar jika

PM didenda

RANTAU PANJANG 8
Ogos - Seramai 11,000
orang ahli UMNO
bahagian Rantau Panjang
telah mencapai kata
sepakat akan membayar
denda, jika Perdana
Menteri Datuk Sri Dr.
Mahathir Mohamad
didapati bersalah

memandu kereta nasional
Proton Saga, tanpa cukai
jalan dan insurans di atas
jambatan baru Pulau
Pinang baru-baru ini.
Ketua UMNO bahagian
itu, Senator Haji Hussein
Ahmad, berkata, setiap
ahli UMNO bahagian itu
akan berkongsi sama rata
untuk membayar denda
berkenaan.

Bellau berkata demikian
sebagai mengulas laporan
mengenai aduan DAP,
supaya tindakan diambil
terhadap Perdana Menteri
kerana tidak mempunyai
cukai jalan semasa
memandu Proton Saga
menyeberangi jambatan
Pulau Pinang baru-baru
ini.

Dalam pertemuan dengan
Utusan selepas majlis
malam 'Jasamu Dikenang'
anjuran Pergerakan
Pemuda UMNO bahagian
berkenaan di Dewan
Majlis Daerah di sini
semalam Senator Haji
Hussein berkata:

"UMNO bahagian ini
menyesali sikap DAP yang
bukan sahaja kurang
sopan bahkan seolah-olah
belum mengenali adat
istiadat bangsa dan
keperibadian negara
walaupun berada di
negara ini yang telah 28
tahun merdeka."